

PM Lee: Pastikan dasar ekon berdaya maju Tingkat kadar kelahiran salah satu kunci pertumbuhan

Shamsul Jangarodin
Berita Harian, 26 Jan 2010

DASAR ekonomi negara perlu disesuaikan bagi memastikan ia dapat memaparkan prestasi yang terbaik dan membantu warga Singapura untuk berdaya maju dalam dunia yang baru, kata Perdana Menteri Lee Hsien Loong, semalam.

Ketika membentangkan cabaran yang bakal dihadapi Singapura, Encik Lee berkata Singapura juga perlu memastikan kadar kelahiran dapat dipertingkatkan kerana ia salah satu kunci utama bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara.

'Salah satu kunci utama dalam memastikan pertumbuhan ekonomi dapat terus berdaya tahan ialah dengan memberi nafas baru kepada bilangan penduduk selain membangun dan menarik bakat.

'Dasar ekonomi yang terbaik tidak akan membawa pertumbuhan sekiranya penduduk Singapura menguncup atau kita kekurangan bakat bagi menyelesaikan masalah, mencipta pelbagai peluang, atau memimpin Singapura dalam pemerintahan, perniagaan dan masyarakat,' ujar Encik Lee lagi.

Encik Lee berkata demikian semasa merasmikan persidangan Perspektif Singapura 2010 di Pusat Konvensyen Raffles City, semalam.

Pemerintah, menurut Encik Lee, kini melakar pertumbuhan jangka panjang dengan menyusun semula ekonomi negara.

Jawatankuasa Strategi Ekonomi (ESC) yang diketuai Menteri Kewangan, Encik Tharman Shanmugaratnam, bakal membentangkan laporannya bulan depan untuk melakarkan strategi yang bakal diambil untuk terus memacu ekonomi negara dalam mengharungi suasana dunia pasca kegawatan.

Antara cabaran yang perlu ditangani termasuk meningkatkan daya penghasilan pekerja kerana Singapura tidak boleh terus mengembangkan bilangan pekerjaanya dengan mengimport lebih ramai pekerja asing.

'Lantas kita perlu menyesuaikan strategi pertumbuhan negara dan mencari cara-cara baru untuk terus berkembang. Antaranya termasuk pertumbuhan kualitatif - iaitu meningkatkan kemahiran pekerja, memanfaatkan nilai maksimum daripada sumber yang kita miliki dan melonjak kelakonan daya penghasilan. Ini semua merupakan usaha besar,' ujar Encik Lee lagi.

Mengenai kadar kelahiran pula, Encik Lee akur bahawa kadar kelahiran Singapura tidak menunjukkan peningkatan walaupun dengan pelbagai usaha.

'Tahun lalu, kadar kelahiran berkurangan 170 bayi berbanding 2008. Ini bermakna bilangan kadar kesuburan menyeluruh atau kadar penggantian semula jadi merosot lagi.

'Mungkin ia disebabkan masalah ekonomi, namun begitu ia merupakan trend yang membahayakan. Jika dibiarkan, kita akan menghadapi bilangan penduduk yang semakin tua dengan bilangan penduduk yang semakin mengecil,' ujar Encik Lee lagi.

Encik Lee berkata pemerintah perlu menggalak warga Singapura agar berkeluarga dengan pelbagai faedah keibubapaan dan insentif lain.

Pemerintah, ujar Encik Lee juga, perlu menambah bilangan penduduk dengan menarik bakat asing.

'Imigresen kini menjadi isu sensitif bagi warga Singapura. Dasar itu sebenarnya bagi kebaikan warga Singapura. Namun beberapa rakyat melihat pendatang ini sebagai pendatang yang tidak diundang yang bersaing dengan warga setempat bagi pekerjaan, tempat di sekolah dan perumahan.

'Pemerintah faham sentimen ini dan kini membezakan dengan jelas antara warga Singapura dengan penduduk tetap,' ujar Encik Lee lagi.